

Aktiviti
Bisnes

200 peserta sertai ceramah pengurusan ekonomi Islam *SJ 30/09/07 pg. T16*

KUALA TERENGGANU - Seramai 200 peserta telah menghadiri ceramah berkaitan pengurusan ekonomi Islam di Pusat Dagangan Terengganu (TTC) semalam.

Pengurus Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia (YADIM) Zon Timur, Mahadi Awang berkata, program tersebut berjaya mencapai objektif dan matlamat yang telah ditetapkan.

"Program ini bertujuan ingin memberi pendedahan kepada masyarakat mengenai tatacara pengurusan ekonomi berlandaskan Islam.

"Ceramah ini sememangnya banyak memberi manfaat kepada peserta-peserta yang terlibat kerana sepanjang bu-

lan Ramadan ini, kita dapat ramai yang mengambil peluang untuk mencari rezeki yang lebih dengan berniaga di bazar Ramadan," katanya.

Menurut Mahadi lagi, ceramah disampaikan oleh Profesor Madya Dr Asyraf Ab Rahman dari Universiti Malaysia Terengganu (UMT).

"Alhamdulillah kerana program ini turut mendapat kerjasama Yayasan Pembangunan Usahawan Terengganu (YPUT)," katanya.

**Aktifkan
Komuniti Anda**



MAHADI AWANG